

Kerajaan definisikan perkataan, perbuatan menghina raja

um - 11/1/2019 ml/8:2

PUTRAJAYA 10 Jan. - Kerajaan akan mendefinisikan perkataan atau perbuatan yang boleh dianggap sebagai menghina institusi diraja, jelas Tun Dr. Mahathir Mohamad.

Perdana Menteri memberitahu, definisi sebenar perbuatan atau perkataan menghina itu perlu dijelaskan untuk penguatkuasaan pada masa akan datang.

"Pada masa ini pihak penguatkuasaan tidak memahami apa yang dianggap sebagai menghina jadi kita perlu 'spell out' (menyatakan) apa perbuatan atau perkataan yang dianggap sebagai menghina.

"Saya telah menyatakan bahawa di Malaysia, kita mengamalkan kebebasan bersuara dan kalau bercakap tentang perkara fakta ia tak boleh disalahkan sebaliknya kalau kita tutup mulut semua orang sehingga apabila jenayah berlaku pun kita tak boleh sebut.

"Ini akan berlaku ketidakadilan dalam negara kita," katanya selepas mempengerusikan mesyuarat Jawatankuasa Khas Kabinet Mengenai Antirasuah (JK-KMAR), di sini hari ini.

Beliau mengulas isu penahanan tiga individu di bawah Akta Hasutan 1948 berhubung

"Saya telah menyatakan bahawa di Malaysia, kita mengamalkan kebebasan bersuara dan kalau bercakap tentang perkara fakta."

MAHATHIR MOHAMAD

dakwaan mengeluarkan kenyataan berunsur hinaan terhadap Sultan Muhammad V semalam.

Sementara itu, Dr. Mahathir memberitahu, kerajaan memutuskan untuk memasukkan peruntukan baharu undang-undang mengenai tanggungjawab mendedahkan pemunya benefisiari (*beneficial ownership*) ke dalam Akta Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia 2009 (Akta 694).

Beliau memberitahu, langkah itu bagi membolehkan SPRM mengenal pasti pemilik sebenar sesuatu kepentingan dalam sesuatu proses siasatan yang dijalankan.

"Ini kita lakukan kerana ada (pihak) menggunakan nama orang lain tetapi dimiliki oleh orang lain. Jadi, kita buat un-

dang-undang supaya dapat cekup pemilik sebenar. Ia adalah bagi mengenal pasti pihak yang betul-betul terlibat.

"Kita mahu mendapat pemunya benefisiari. Walaupun menggunakan nama lain kita tetap akan jumpa dan boleh dikenakan tindakan," katanya.

Berhubung pertukaran 'saat akhir' dalam senarai rombakan ketua setiausaha (KSU) membabitkan tiga kementerian, Dr. Mahathir menjelaskan, seseorang KSU berhak untuk dipindahkan daripada satu jabatan ke jabatan lain.

Menurutnya, pertukaran itu juga berkemungkinan mengambil kira keadaan yang mana menteri dan pegawainya tidak boleh bekerjasama.

"Perkara ini ada kaitan dengan prestasi dan harapannya di masa depan iaitu sama ada beliau boleh dinaikkan pangkat atau tidak.

"Kadang-kadang dirinya mungkin tidak sesuai dengan menteri. Tetapi kebiasaannya kita tak tanya menteri siapa yang dia suka walaupun kita perlu tahu apa kualiti orang yang dikehendaki oleh seseorang menteri. Jadi kita perlu siasat dengan lebih lanjut sebelum lantik," katanya.